

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1994/95

April 1995

HMT 302 Sintaksis Bahasa Malaysia

Masa: [3 jam]

---

KERTAS PEPERIKSAANINI MENGANDUNGI SEPULUH [10] SOALAN DI DALAM TIGA [3] HALAMAN.

Jawab SEMUA soalan.

Tulis nombor soalan 1 hingga 10 pada muka surat hadapan kertas jawapan secara berurutan.

Jawapan mestilah ringkas dan tepat dengan bentuk tulisan yang mudah dibaca.

Pengabaian Bahasa Malaysia Tinggi mengurangi nilai jawapan.

Semua soalan mengandungi markah yang sama.

1. Abdullah Hassan (1980) mengemukakan 6 pola untuk ayat selapis bahasa Malaysia. Sila kemukakan keenam-enam pola tersebut dengan masing-masing dua [2] contoh ayat.
2. Menurut Nik Safiah Karim et.al. (1986), kata kerja asal tidak berimbuhan ialah kata kerja tak transitif dan kata kerja transitif. Nyatakan perbezaan kedua-dua kata kerja ini diiringi dengan lima [5] contoh ayat masing-masing.
3. Nik Safiah Karim et al. (1986) berpendapat bahawa untuk ayat pasif yang menggunakan kata kerja pasif di-, kata sendi oleh + FN yang letaknya selepas kata kerja boleh digugurkan. Apakah maksud pernyataan ini dan sila beri komen anda.

4. Perhatikan contoh yang berikut ini.

[a] Rumput **masih lembab**  
S P

[b] Mereka **memugar bukit itu.**  
S P

[c] Dia **tidak datang hari ini.**  
S P

Asmah Hj. Omar (1993) menyatakan bahawa Predikat (P) merupakan unsur ayat yang membawa cerita bagi Subjek (S). Hubungkaitkan pernyataan ini dengan contoh ayat pada [a], [b], [c] dan nyatakan kedudukan P secara terperinci.

5. Menurut Asmah Hj. Omar (1993), unsur yang penting atau wajib hadir di dalam frasa karyaan ialah kata karyaan, baik kata kerja maupun kata sifat. Jelaskan maksud 'kata karyaan' yang dimaksudkan dan sertakan ayat yang sesuai bagi menyokong hujah anda.

6. Sila salin semula jika ayat yang disediakan ini anda anggap betul dan sila betulkan mana-mana ayat yang anda anggap tidak betul. Beri komen jika ayat berkenaan, salah.

- [a] Murid-murid yang dihormati sekalian.
- [b] Kakak baru sahaja membeli enam ekor ketam.
- [c] Pelajar ada di dalam bilik kuliah.
- [d] Burung itu hinggap di atas pokok.
- [e] Perkara itu ada dalam pengetahuan saya.
- [f] Adik ke kedai Pak Ali.
- [g] Siti di rumah Mak Cik Bibah.
- [h] Cikgu Ahmad ialah guru Bahasa Malaysia di sekolah kami.
- [i] Ibarat balam, mata terlepas kaki terikat.
- [j] Jauh berjalan banyak dirasa, lama hidup banyak dilihat.

7. Sila bincangkan penggunaan Kata Pemeri di dalam contoh yang disediakan ini.

- [a] Apa yang digambarkan oleh Bersihar Lubis adalah tentang kehidupan manusia ....
- [b] Tamsil adalah cara berbahasa ....

[c] Buku 'Punjut-punjutan' ialah tentang peribahasa Angkola/Mandailing.

[d] Karangan Willem Iskandar ialah sangat indah bahasanya.

(dikutip daripada Jurnal Dewan Bahasa, Februari 1995)

8. Sila lukis 'kurung siku' [....] secara lengkap untuk ayat yang berikut ini.

Ada burung di ranting pokok.

9. Pendapat yang mengatakan bahawa Ayat Pasif bukan berasal daripada Ayat Aktif dikemukakan oleh Darwis Harahap (1989). Berdasarkan pendapat ini, sila galurkan Struktur Dalam hingga ke Struktur Luar (tanpa menggunakan Rajah Pohon) bagi ayat:

Ulat itu sudah kupukul.

10. Sila lukis Rajah Pohon secara terperinci bagi ayat yang disediakan ini.

Pelajar itu tidak pernah pergi ke Pulau Langkawi.

-oooooooo-